

## GEMA... JEJAK EMOSI DAN KETAHANAN ANAK YATIM

**Pengarang:**

Fatmawati Latada

**Abstrak:** Di sebalik statistik dan laporan tentang anak yatim, ada dunia emosi yang jarang didengar. *Gema... Jejak Emosi dan Ketahanan Anak Yatim* membawa pembaca menelusuri kisah-kisah kecil yang sering tersembunyi di balik rutin rumah anak yatim— ketakutan yang dipendam, rindu yang tidak terucap dan harapan yang masih bertunas.

Dalam realiti semasa apabila isu kesejahteraan mental kanak-kanak semakin mendapat perhatian, buku ini mengajak kita melihat mereka bukan sekadar angka dalam laporan kebajikan, tetapi sebagai jiwa-jiwa yang sedang belajar untuk bangkit.

Berlandaskan pengalaman penyelidikan lapangan dan kisah-kisah yang menyentuh, buku ini merakam gema emosi mereka—jujur, rapuh dan penuh ketahanan, serta membuka ruang untuk kita memahami dan menyantuni anak-anak ini dengan lebih empati.

**Kata kunci:** Kebajikan, kaunseling, emosi, realiti



# *Gema...*

## **JEJAK EMOSI DAN KETAHANAN ANAK YATIM**

Menyingkap dunia tersembunyi anak-anak yatim dirumah jagaan;  
emosi, perjuangan dan harapan



**FATMAWATI LATADA**

*Gema...*

**JEJAK EMOSI DAN  
KETAHANAN ANAK YATIM**

Menyingkap dunia tersembunyi anak-anak yatim dirumah jagaan;  
emosi, perjuangan dan harapan

Hak cipta adalah terpelihara  
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebu Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Kuantan, Pahang Darul Makmur.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-7917-08-5

Pengarah Penerbit : Mr. R  
Ketua Editor : M. Azli  
Editor : A. Humaira  
Pembaca Pruf : A. Humaira  
Reka Letak & Reka Kulit: R. W. Chamie  
Pentadbiran : Zue & N. A. Aryan  
Jualan & Pemasaran : N. H.

Share | Like | Tag  
Online Shop: <https://msha.ke/penerbitump>  
Official Page (FB): Penerbit UMPSA  
Official IG: Penerbitumpsa

Diterbitkan Oleh  
**Penerbit**  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,  
Lebu Persiaran Tun Khalil Yaakob,  
26300 Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
E-mel: [penerbit@umpsa.edu.my](mailto:penerbit@umpsa.edu.my)

Urus Cetak  
**FIRDAUS PRESS SDN. BHD.** (Reg: 986966-A)  
No. 28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri, Kembangan, Selangor.  
Tel / Fax: +6 03 8940 5595  
E-mel: [firdauspress2013@gmail.com](mailto:firdauspress2013@gmail.com)

*Gema...*  
**JEJAK EMOSI DAN  
KETAHANAN ANAK YATIM**

Menyingkap dunia tersembunyi anak-anak yatim dirumah jagaan;  
emosi, perjuangan dan harapan

**FATMAWATI LATADA**

Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,  
Kuantan  
2026



## KANDUNGAN

<b>Dedikasi</b>		vii
<b>Prakata</b>		ix
<b>Prolog</b>		xi
<b>Bab 1</b>	Rasional Penulisan	1
<b>Bab 2</b>	Institusi Penjagaan Kanak-kanak di Malaysia	5
<b>Bab 3</b>	Pengurusan Emosi dan Pengalaman Hidup	9
<b>Bab 4</b>	Mendengar Emosi	15
<b>Bab 5</b>	Faktor dan Kesan Emosi	41
<b>Bab 6</b>	Harapan dan Daya Tahan	51
<b>Bab 7</b>	Penjagaan Anak Yatim Lestari	59
<b>Bab 8</b>	Langkah Seterusnya	69
<b>Epilog</b>	Mendengar Kesunyian, Melihat Kekuatan	75
<b>Lampiran A</b>	Ringkasan Produk CITREX 2024	77
<b>Rujukan</b>		81
<b>Biodata Penulis</b>		83



---

Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah  
SAW bersabda:

*“Sesiapa yang memelihara anak yatim, sama ada dia  
mempunyai pertalian dengannya atau tidak, maka aku  
dan dia akan bersama-sama di dalam syurga seperti ini.”*

(isyarat merapatkan jari telunjuk dan jari tengah).

(Riwayat Muslim, no. 2983)



## **DEDIKASI**

Dedikasi ini diberikan kepada rumah-rumah anak yatim yang telah membuka pintu kepada saya. Terima kasih kerana sudi menerima saya sebagai penyelidik asing dan memberi kepercayaan untuk berkongsi ruang, rutin serta masa bersama anak-anak di bawah jagaan anda sepanjang tempoh 24 bulan ini.

Kepada anak-anak yang telah berkongsi kisah mereka melalui kata-kata, diam atau air mata, saya amat menghargai keberanian dan kepercayaan yang diberikan. Suara dan pengalaman kalian menjadi asas kepada kajian ini.

Kepada penyelia saya, Dr. Siti Kalijah Kassim dan Che Hazinah Che Will, terima kasih atas bimbingan, sokongan dan galakan yang berterusan sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Panduan anda berdua telah membolehkan kajian ini dijalankan dengan sistematik dan menyeluruh.

Kepada suami saya, Zainudin Salleh, terima kasih kerana menemani dan menyokong saya setiap minggu ke kampus International Islamic University Malaysia (IIUM) Gombak selama dua tahun untuk menghadiri kelas dan bertemu *supervisor*. Terima kasih atas sokongan moral yang tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, Fafa, Fatin, Kogge, Haiqal, Mardhiah dan Alia, terima kasih atas kerjasama dan semangat yang dikongsi bersama sepanjang tempoh pembelajaran MA kita.

Kepada sahabat saya, Sobirah Abdullah, terima kasih kerana membuka pintu rumah dan hati anda apabila saya tidak dapat pulang ke Kuantan serta atas segala bantuan dan sokongan moral yang diberikan.

Kepada penaja, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Perunding Tamadun Teras Sdn. Bhd. dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (PNI), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) atas kepercayaan terhadap nilai kajian ini serta pelanjutan tempoh penyelidikan yang diberikan. Kajian ini berjaya dilaksanakan hasil sokongan dana melalui Geran RDU212407 dan UIC210822.

Dedikasi ini juga adalah untuk semua pihak yang berani, cecal dan penuh harapan, anak-anak penghuni Rumah Anak Yatim yang terlibat, staf, warden dan mereka yang telah menyokong perjalanan kajian ini. Semoga pengalaman dan kisah yang dikongsi memberi sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kesejahteraan emosi anak-anak di institusi Rumah Anak Yatim dan Miskin (RAYM).

Jutaan terima kasih untuk anda semua. *Jazakumullah Khairan Jaza.*

## PRAKATA

Segala puji bagi Allah, tuhan semesta alam, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat Rasulullah SAW, anak yatim yang menjadi *murabbi*, anak yatim yang tahan diuji, Anak yatim yang menjadi rahmat bagi seluruh alam. Didikan baginda menuntun agar yang tua dihormati, yang muda disayangi dan anak yatim disantuni.

Apabila kita memikirkan tentang anak-anak di rumah anak yatim dan miskin, sering kali yang tergambar ialah angka, jadual dan rutin harian. Jarang kita berhenti sejenak untuk menyelami dunia mereka yang tersembunyi, ketakutan yang mereka pendam, harapan yang mereka simpan, kemenangan kecil yang mereka raikan sendirian dan perjuangan sunyi yang mereka lalui setiap hari. **GEMA** mengajak kita untuk melihat lebih jauh dan dalam untuk memahami cabaran emosi anak-anak ini dan cara mereka melaluinya dengan hati dan jiwa mereka yang masih terlalu lembut dan hijau.

Dari halaman pertama, buku ini membawa pembaca menelusuri landskap emosi mereka. Ia bermula dengan menceritakan tentang makna rumah anak yatim di Malaysia dan sebab anak-anak terbabit tinggal di sana, berkongsi realiti kompleks yang tersimpan di sebalik setiap penempatan. Buku ini kemudian menghubungkan pengalaman hidup mereka dengan tahap perkembangan minda dan emosi, memperlihatkan mengapa tempoh antara usia tujuh hingga 18 tahun begitu penting dalam membentuk personaliti, identiti dan ketahanan emosi seseorang.

Dari satu bab ke bab yang lain, pembaca akan menemui pelbagai emosi yang menyentuh; ketakutan, kesedihan, kemarahan, kebosanan dan harapan. Setiap cerita ini nyata, hidup dan bersifat peribadi, mengingatkan kita bahawa ini

bukan konsep abstrak, tetapi pengalaman sebenar yang membentuk pemikiran, keputusan dan tindakan anak-anak. Kita akan melihat mereka menghadapi emosi sendiri yang lazimnya secara senyap serta usaha mereka mencari makna dan rasa selamat melalui cara-cara yang sederhana dan dekat dengan kehidupan seharian.

Lebih daripada sekadar membangkitkan empati, buku ini menawarkan panduan praktikal bagi penjaga, pendidik dan sesiapa sahaja yang ingin menyokong anak-anak dalam jagaan. Buku ini menghubungkan perasaan dengan tindakan, menekankan bahawa memahami dunia dalaman seorang kanak-kanak merupakan langkah pertama untuk membimbing dan menyokong mereka dengan penuh kasih dan kesedaran.

**GEMA** membawa kita ke dunia yang jarang disorot. Ia mengajak pembaca bukan sekadar melihat tetapi merenung, peduli dan bertindak. Setelah menamatkan buku ini, pembaca bukan sahaja akan menyaksikan ketahanan anak-anak ini, tetapi juga merasai tanggungjawab dan keistimewaan mendalam untuk membantu mereka berkembang dengan baik.

Buku ini adalah untuk sesiapa sahaja yang ingin memahami, menyokong dan mengingatkan bahawa di sebalik setiap angka dan statistik, terdapat seorang manusia, seorang anak dengan kisah, hati dan impian untuk masa depan yang lebih baik.

**Dr. Fatmawati Latada**

Pusat Sains Kemanusiaan

Universiti Malaysia Pahang A-Sultan Abdullah

## PROLOG

Kali pertama saya mengunjungi salah sebuah rumah anak yatim di Kuantan ini, suasananya lebih sunyi berbanding dengan yang saya bayangkan. Dari tempat saya meletakkan kereta, saya melihat beberapa kanak-kanak dan awal remaja duduk di bawah pokok di hadapan musala, kaki mereka dihayun perlahan. Beberapa yang lain duduk di bangku rendah berhampiran wakaf, memerhati pergerakan saya dengan mata penuh tanda tanya. Mereka tidak menjerit, tidak berlari, hanya memerhati. Saya mendekati mereka lalu menyapa dengan salam dan senyum. Beberapa orang menjawab salam saya, yang agak kecil ada yang berlari ke hadapan, menghulur tangan ingin berjabat, manakala yang agak remaja kekal di tempat mereka, meneruskan aktiviti masing-masing.

Menerusi taklimat warden, saya tahu bahawa kebanyakan mereka bukan anak yatim dalam pengertian sebenar. Ada yang masih mempunyai ibu bapa, ada yang diabaikan dan ada yang datang dari rumah yang terlalu daif untuk menampung mereka. Cerita mereka berbeza-beza tetapi perkara-perkara berikut menyatukan; ketiadaan penjagaan yang stabil, rasa kekeluargaan yang hilang dan potensi emosi yang rapuh.

Perkataan yang menarik perhatian saya dalam perbualan dengan anak-anak ini ialah kebosanan. "*Tiada apa yang boleh dibuat di sini,*" ayat itu sering terucap di bibir mereka. Namun, dari tempat saya berdiri, saya melihat seorang anak bermain seorang diri menggunakan cebisan kayu berhampiran sangkar ayam. Kanak-kanak di sebelah saya berbisik, "*Dia tu budak baharu, cikgu. Kami biarkan dia bermain sendiri sebab kalau dia bosan, dia menangis... Bila dia menangis, seluruh kampung boleh dengar.*" Gelak tawa kecil tercetus dan apabila tawa itu reda, saya bertanya, "*Jadi, awak*

*pun bosan juga ye?" "Ya, cikgu," mereka mengaku, sebelum diam membisu.*

Saya mencadangkan mereka ke perpustakaan. Mungkin buku-buku di sana dapat menarik perhatian mereka. *"Kami ada perpustakaan, tapi berkunci,"* jawab seorang anak. Saya bertanya kepada warden mengapa perpustakaan dikunci? Beliau menjawab jujur, *"Kalau mereka ke sana, mereka tidak membaca. Mereka tidur beramai-ramai sebab ada penghawa dingin."*

Saat itu, satu perkara menyelinap masuk ke minda saya; nampaknya anak-anak ini memilih tidur daripada membaca atau bermain. Hakikatnya, bagi anak-anak di rumah anak yatim, tidur yang lama sering menjadi cara senyap untuk menghadapi cabaran emosi dan psikologi, tidur merupakan satu mekanisme halus untuk mengawal dunia yang terasa tidak stabil dan tidak pasti.

Buku ini mengalu-alukan pembaca menyelami dunia emosi anak-anak ini, kesedihan, ketakutan, kemarahan dan kebosanan yang membentuk hari-hari mereka dan cara emosi itu mempengaruhi tingkah laku dan kesejahteraan mereka. Buku ini ditulis berdasarkan penyelidikan tentang kehidupan emosi anak-anak di tiga buah rumah anak yatim di Kuantan, Pahang.

Saya datang sebagai pengkaji, juga pengumpul data tetapi pulang sebagai saksi. Kanak-kanak ini mengajar saya tentang keberanian, kesunyian, serta perjuangan mereka dalam senyap. Apa yang saya pelajari mengubah saya dan saya percaya ia juga mampu mengubah dan menggerakkan anda untuk lebih memahami dan seterusnya menyokong mereka dengan cara yang anda tahu dan mampu.

## BAB 1

# RASIONAL PENULISAN

### **Buku ini Perlu Ditulis**

Kita cenderung untuk membayangkan angka, jadual dan rutin, ketika kita bercakap tentang anak-anak yang tinggal di rumah anak yatim. Jarang sekali kita berhenti sejenak untuk menatap dunia dalaman mereka, ketakutan mereka, harapan mereka, kemenangan kecil mereka dan perjuangan senyap mereka.

Kajian yang kemudiannya mencetuskan buku ini, muncul satu rasa tidak selesa yang sederhana tetapi mendalam; kesedaran bahawa walaupun banyak yang ditulis dan dikaji tentang anak-anak yatim, sangat sedikit yang menceritakan tentang apa yang mereka rasai. Dalam institusi, anak-anak sering dilihat sebagai satu kumpulan, yang perlu diurus. Sebenarnya, setiap kanak-kanak yang saya temui ada cerita tersendiri.

Buku ini bukan hadir untuk mengkritik institusi Rumah Anak Yatim dan Miskin (RAYM) dan bukan juga cuba untuk 'meromantiskan' cabaran yang mereka hadapi. Penjagaan institusi pastinya wujud atas sebab tertentu dan ramai pengurus, staf dan warden bekerja dengan ikhlas, tanpa mengenal penat lelah. Sebaliknya, buku ini ingin memberi nilai dan pengiktirafan kepada anak-anak ini yang kerap dilabel sebagai 'masalah', 'pendiam', 'tidak berdisiplin', 'lambat' dan 'berisiko'.

## BAB 2

# **INSTITUSI PENJAGAAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA**

### **Memahami Institusi Penjagaan Kanak-kanak di Malaysia**

Rumah anak yatim bukan sekadar dinding dan bumbung. Rumah ini merupakan nadi kehidupan, tempat rutin dan peraturan bertemu dengan tawa, tangisan, harapan dan doa. Di Malaysia, Rumah Anak Yatim dan Miskin (RAYM) menampung kanak-kanak atas sebab tertentu, tidak dapat tinggal bersama keluarga kandung mereka. Ada yang kehilangan kedua ibu bapa, ada yang hanya mempunyai seorang ibu atau bapa yang bergelut untuk membesarkan mereka dan ada yang datang dari rumah yang pecah, rapuh malah runtuh akibat kemiskinan, konflik dan pengabaian.

RAYM lazimnya diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau pertubuhan agama, beroperasi di bawah Akta Kanak-Kanak 2001, memberi tumpuan pada perlindungan dan kesejahteraan, bukan sekadar penjagaan fizikal. Idealnya, RAYM menyediakan pendidikan, rutin harian dan sokongan psikososial, dengan harapan mereka membesar dalam persekitaran yang selamat dan bermaruah. Di sinilah mereka hidup antara rasa selamat dan rindu. Tubuh mereka dilindungi, perut diisi dan pakaian diberi tetapi perlindungan sahaja tidak mampu mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh tangan yang membelai dan memeluk.

Emosi mengalir di setiap sudut. Kesedihan muncul apabila hari lahir berlalu tanpa kunjungan. Ketakutan berbisik pada malam yang sunyi. Kebosanan melebar pada petang yang panas tanpa aktiviti. Kemarahan timbul apabila suara mereka tidak diendahkan, kekecewaan merebak apabila keperluan

## BAB 3

# PENGURUSAN EMOSI DAN PENGALAMAN HIDUP

### Perkembangan Emosi dan Pengalaman Hidup

Memahami tahap-tahap perkembangan pada usia tujuh hingga lapan belas tahun bukan sekadar input akademik; ia merupakan lensa yang membolehkan kita benar-benar melihat dan memahami kehidupan anak-anak di rumah anak yatim. Setiap anak yang saya temui sama ada Fafa, Mirul, Kamil dan Faiz (*bukan nama sebenar*), setiap seorangnya sedang melalui proses tumbesaran dan pembentukan identiti dan personaliti.

Kita ambil Fafa sebagai contoh, pada usia lima belas tahun, Fafa berada pada tahap pemikiran abstrak tentang masa hadapan yang mula berkembang. Namun, kesedihannya kerana kehilangan ibu bapa menunjukkan cara dia meregulasi emosinya yang menghadapi kehilangan dan dalam masa yang sama membentuk identitinya. Cara Fafa menenangkan diri melalui tilawah, doa dan persahabatan; menunjukkan dia mampu membina daya tahan emosi bila diberikan sokongan yang konsisten, walaupun dalam bentuk yang kecil.


Faiz pula yang baru berusia dua belas tahun, memperlihatkan tahap operasi konkrit membentuk asas personaliti. Kepekaannya terhadap kekemasan dan ketakutannya terhadap dendaan dan desakan menonjolkan kepentingan persekitaran yang tersusun dan boleh dijangka bagi anak-anak yang sedang mempelajari keteraturan dan kawalan diri. Ketika bilik bersepadu dan Faiz berasa resah, saat itu Faiz akan mengambil masa menyendiri di meja makan sambil merenung jauh, itu ialah ruang “pemulihan” baginya. Ini merupakan

## BAB 4

# MENDENGAR EMOSI

### Emosi Tidak Terucap

Sebelum wujud tema, sebelum wujud dapatan, wujud saat-saat mendengar. Mendengar tidak selalu berlaku dalam suasana rasmi. Ia berlaku di koridor, berlaku di café, berlaku dalam perbualan singkat antara rutin harian ia berlaku semasa duduk bersama di bawah pokok depan asrama. Ia berlaku ketika seorang anak berhenti seketika sebelum menjawab, berlaku ketika kata-kata keluar perlahan-lahan atau ketika diam itu sendiri menjadi jawapan. Sering kali, yang paling penting bukan yang diucapkan tetapi yang dirasakan.



Ramai yang berpandangan bahawa emosi ialah gangguan, sesuatu yang perlu dikawal, ditahan atau segera diperbetulkan. Akhirnya, perasaan menjadi ruang peribadi yang dijaga ketat dan rapi, tidak dikongsi. Untuk mendengar memerlukan kesabaran, kelembutan, kawalan diri daripada mentafsir terlalu cepat atau terus mencari penyelesaian.

Buku ini lahir daripada kaedah mendengar seperti itu. Daripada mendekati anak-anak sebagai subjek yang dinilai, karya ini mendekati mereka sebagai individu dengan dunia dalaman, dunia yang dibentuk oleh kehilangan, rutin, ketidakpastian dan daya tahan yang tidak kelihatan. Perbualan tidak dirancang untuk mengekstrak kisah dramatik

## BAB 5

# FAKTOR DAN KESAN EMOSI

## Faktor yang Membentuk Pengalaman Emosi Anak-anak Yatim

Memahami emosi yang dialami oleh anak-anak yatim terutamanya bosan, sedih, takut dan marah memerlukan pemerhatian lebih daripada sekadar emosi itu sendiri. Perasaan ini tidak muncul tanpa sebab. Ia berkembang daripada pengalaman harian, hubungan dan persekitaran yang membentuk bagaimana anak-anak melihat diri mereka dan dunia di sekeliling mereka.

Mengenal pasti faktor-faktor di sebalik emosi ini penting untuk memahami landskap emosi mereka dan untuk membangunkan respons dan intervensi yang benar-benar menyokong kesejahteraan mereka.

Kajian ini mendapati emosi yang kerap dialami oleh anak-anak yatim dipengaruhi oleh empat faktor utama:

- (i) perpisahan sama ada kerana perceraian atau kematian,
- (ii) persekitaran rumah anak yatim,
- (iii) interaksi dengan rakan sebaya, juga,
- (iv) hubungan dengan penjaga atau kakitangan. Setiap faktor memberi sumbangan dengan cara yang berbeza, tapi bertindan dan saling menguatkan.

### ❖ Perpisahan Keluarga

Faktor paling kuat dan mendalam yang mempengaruhi emosi anak-anak yatim ialah perpisahan daripada keluarga. Bagi ramai anak, perpisahan ini berlaku akibat kematian salah seorang atau kedua ibu bapa. Kehilangan seorang ibu atau bapa meninggalkan impak emosi yang mendalam dan tidak


## BAB 6

# HARAPAN DAN DAYA TAHAN

## Harapan

Harapan dalam kehidupan di institusi tidak seperti yang digambarkan dalam cerita-cerita drama. Harapan di rumah jagaan tidak lantang. Ia tidak datang dengan keyakinan. Kadang-kadang, ia hampir tidak bersuara. Namun, ia wujud.

Anak-anak di rumah jagaan terus membayangkan untuk memiliki sesuatu di luar keadaan semasa mereka. Bukan dengan sempurna. Bukan setiap masa. Tetapi rasa itu ada. Harapan mereka hidup dalam keterbatasan. Ia muncul dalam cita-cita yang berbisik



Ada impian yang seakan kabur, ada impian yang nampak mustahil tetapi kehadirannya lebih penting daripada ketepatannya. Untuk bermimpi, dalam hidup yang direntap kehilangan, ialah satu keberanian.

Bagi sesetengah anak, harapan bersifat rohani. Ia muncul dalam doa yang dibisikkan secara senyap sebelum tidur, ayat-ayat yang dibaca untuk ibu bapa yang telah tiada atau zikir yang diulang ketika hati terasa terlalu berat. Iman dan penyerahan tidak menghapuskan kesakitan tetapi ia memberi tempat untuk kesakitan beristirahat dan memungkinkan seseorang bercita-cita dan berharap.

## BAB 7

# PENJAGAAN ANAK YATIM LESTARI

### Anak Yatim Sejahtera Tanggungjawab Bersama

Buku ini menumpukan pada isu emosi yang sering dialami oleh anak-anak yang tinggal di rumah anak yatim dan miskin. Kesedihan, ketakutan, kebosanan dan kemarahan yang diam-diam membentuk kehidupan harian mereka. Emosi ini tidak wujud secara terasing, begitu juga dengan anak-anak itu sendiri. Di sebalik setiap anak yang tinggal di rumah jagaan, terdapat cerita yang melibatkan orang yang pernah mengambil berat, orang yang masih penting dan orang yang terus mempengaruhi sejauh mana kumpulan anak-anak itu berasa selamat atau terabai.

Pengurusan RAYM memikul tanggungjawab yang jelas dalam penjagaan harian. Malah dari segi bangunan dan kemudahan RAYM sememangnya tidak sendirian. Demikian pula sepatutnya berlaku pada isu berkaitan penjagaan emosi anak yatim. Ia juga perlu dikongsi antara institusi, penjaga, komuniti, profesional dan sangat perlu melibatkan juga penjaga asal anak-anak berkenaan; ayah, ibu, adik-beradik, datuk, nenek, pakcik dan makcik. Peribahasa tradisi Afrika menyebut "*It takes a village to raise a child*" yang bermaksud seluruh komuniti diperlukan untuk mendidik dan membesarkan seorang anak. Bab ini berkongsi cabaran yang dihadapi pengurusan rumah anak yatim sambil mengiktiraf bahawa penyembuhan dan sokongan perlu melangkaui dinding rumah jagaan.

#### ❖ Beban yang Ditanggung oleh Pengurusan Rumah Anak Yatim

Mengurus rumah anak yatim melibatkan lebih daripada memenuhi keperluan fizikal. Pengurusan dan penjaga/

## BAB 8

### LANGKAH SETERUSNYA

Buku yang anda sedang baca ini bukan sekadar penemuan penyelidikan; ia suara-suara yang ingin didengar, difahami dan dijaga. Di sebalik setiap senyuman, gelak tawa atau saat penuh harapan, terdapat arus emosi seperti ketakutan, kesedihan, kemarahan dan kebosanan yang mencorak cara anak-anak penghuni RAYM berhadapan dengan kehidupan. Mengenali emosi ini adalah langkah pertama; bertindak mengatasi atau mengubati puncanya adalah langkah seterusnya.

Bab ini meneroka cara penjaga atau warden, komuniti dan institusi boleh menyokong anak-anak di rumah anak yatim secara berterusan, membantu mereka membesar bukan sekadar dengan selamat tetapi secara menyeluruh.

#### **Membina Persekitaran yang Selamat dan Boleh Dijangka**

Kanak-kanak dalam jagaan sering hidup dalam ketidakpastian. Jadual, penjaga dan peraturan berubah-ubah dan tidak tekal, menimbulkan tekanan atau ketakutan.

#### **Cadangan:**

- Wujudkan persekitaran yang boleh dijangka kerana ia memberi kestabilan emosi:
- Kekalkan rutin harian yang konsisten untuk makan, belajar dan bermain.
- Tetapkan penjaga utama atau mentor untuk bilangan anak yang sesuai, jika boleh.
- Wujudkan ruang selamat, sudut tenang, pod kecil atau ruang membaca bagi anak-anak boleh berlindung ketika rasa terbeban.

## **EPILOG**


### **Mendengar Kesunyian, Melihat Kekuatan**

Menulis buku ini merupakan satu perjalanan ke dalam hati tersembunyi anak-anak yang suaranya sering tidak didengar. Ketika saya mengesan tema cerita mereka tentang kesedihan, ketakutan, kemarahan dan kebosanan, saya terkesan dengan kedalaman emosi mereka dan keberanian senyap yang mereka tunjukkan ketika berhadapan dengan dunia yang sering tidak pasti dan kadang-kala kejam.

Anak-anak ini bukan sekadar statistik atau kes untuk diurus; mereka merupakan makhluk hidup yang mempunyai perasaan, berupaya bermimpi dan memiliki hati. Saya berpengalaman melihat kesedihan atas kehilangan ibu bapa, ketakutan diselimuti malam, kemarahan muncul apabila batasan dicabar dan kebosanan menekan imaginasi mereka. Namun begitu, dalam setiap cerita, akan ada harapan. Harapan yang bersinar dalam doa yang diucap perlahan, dalam gelak tawa yang dikongsi bersama rakan, dalam penjagaan haiwan, dalam saat-saat bersendirian dan dalam impian untuk masa hadapan yang sukar mereka bayangkan.

Yang paling menyentuh hati saya ialah ketahanan mereka dalam kesunyian. Ramai yang mengatasi cabaran dalam senyap melalui rutin harian, refleksi, tindakan kecil yang penuh kasih dan imaginasi. Walaupun mereka tidak mampu berbicara, mereka menemui cara untuk sembuh dan terus bertahan.

# LAMPIRAN A




14<sup>th</sup> CREATION, INNOVATION, TECHNOLOGY & RESEARCH EXPOSITION

07 - 09


2024

WISMA SPORTS COMPLEK, KUALA LUMPUR


## Product: Boredom regulator and self-esteem mobilizer module for institutionalized Orphans: POPBL approach



**Researcher / inventor**  
Dr. Fatmawati Latada  
(UMPSA)



**Co Researcher / inventor**  
Dr. Intan Aidura Alias  
(UIAM)



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

### PRODUCT BACKGROUND

- The product is an extension to a research finding titled "Frequent emotions felt by orphans living in institutional homes the effects on their behaviors and coping mechanism"
- The module offers engaging activities to minimized one of the identified frequent emotions which is boredom
- The module was aimed to preoccupied the participants to combat boredom and consequently improve their teamwork and self-esteem

### MODULE OBJECTIVES

- Tasting the feasibility to employ POPBL module as behavioral intervention among orphans
- Conditioning the participants with activities to acquire (a) social interaction, (b) decision-making opportunities, (c) peer support & unprompted self-improvement

### METHOD

1  
Need analysis results (on Boredom & Sadness)

2  
Module development (Original Activity) Guided by Siskit Module Development Model

3  
Module testing (pre- & post-test)

4  
Post test results shows participants' levels of self-esteem improved significantly after the implementation of POPBL as compared to pretest (pre- & post-test)

### PRODUCT IMAGE




FIGURE : POPBL MODULE APPLICATION STEPS

### NOVELTY/ ORIGINALITY/ INVENTIVENESS

The POPBL program is designed as a learning and development program for orphans living in institutional homes.

This POPBL program is designed as a learning and development program for orphans living in institutional homes.

### SOCIAL COMMUNITY BENEFIT

It can be used for energy and time for the children and their caregivers.

Post test results suggest that module has successfully engaged participant and consequently improved their level of self-esteem.

### MARKET POTENTIAL

- The Malaysian Department of Social Welfare
- Persatuan Kebajikan Anak Yatim Pahang (PEKAYA)
- Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim & Miskin Nur Iman (Nur Iman)

### BENEFITS / USEFULNESS / APPLICABILITY

Low self-esteem (Shuja, 2023; Pervez, Hamzah & Rameela, 2020) and boredom (Scotts 2002 & Anderson 2004) are challenges experienced by residents of orphanage.

Usefulness:  
The present module encourages participants to fill their spare time & engage with self-improvement training, group work and strengthen their self-esteem. (Fortune, 2014; Albert & Dwelle, 2014).

Applicability:  
The module can be employed by means of existing facilities and resources (i.e., staff, wardens, dormitory halls, care centre, residents etc)

### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1 PEOPLE WITH DIGNITY  
3 GOOD HEALTH AND WELL BEING

### ACHIEVEMENTS

**GOLD MEDAL AT THE ICGPA INTERNATIONAL CONFERENCE (2017)**

**GOLD MEDAL UMPTVET EXPOSITION 2017**

### PUBLICATION

Fatmawati, L., & Hafizaoh K. (2017). Problem-oriented project -based learning (POPBL): An initiative to encourage soft skills expansion among students at a public university. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, eISSN264621714.

Fatmawati, L., & Husna H. (2023). Project-oriented problem-based learning (POPBL): An initiative to enhance self-Esteem among orphans. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 19 (5), 178-190. eISSN26370905

### PARTNERS

- Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim & Miskin Nur Iman
- Perunding Teras Sdn Bhd

UMPSA Malaysia | TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT | STARS | WORLD UNIVERSITY RANKINGS | UIAM | USNEWS

## RUJUKAN

- Bowlby, J. (1952). Attachment and loss: Vol. 1. Attachment. *Basic Books*.
- Bowlby, J. (1980). Attachment and loss: Vol. 3. Loss, sadness and depression. *Basic Books*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology. Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches (2<sup>nd</sup> ed.)*. Sage.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3<sup>rd</sup> ed.)*. Sage.
- Dozier, M., Stovall-McClough, K. C., & Albus, K. E. (2006). Attachment for infants in foster care: The role of caregiver availability. *Child Development*, 77(5), 1456–1468.
- Folkman, S., & Lazarus, R. S. (1980). An analysis of coping in a middle-aged community sample. *Journal of Health and Sosial Behavior*, 21(3), 219–239.
- Goodman, R. (1997). The Strengths and Difficulties Questionnaire: A research note. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 38(5), 581–586.
- Guest, G., MacQueen, K. M., & Namey, E. E. (2012). *Applied thematic analysis*. Sage.
- Howitt, D. (2016). *Introduction to qualitative research methods in psychology (3<sup>rd</sup> ed.)*. Pearson Education.
- Johnson, D. E., et al. (2006). Early loss and attachment disorders in children. *Journal of Child Psychology*, 47(3), 253–270.
- Lazarus, R. S. (1966). *Psychological stress and the coping process*. McGraw-Hill.
- Lazarus, R. S. (1980). A cognitive–motivational–relational theory of emotion. *American Psychologist*, 55(10), 1023–1038.

- Lazarus, R. S. (1986). The costs and benefits of denial. In A. Monat & R. S. Lazarus (Eds.), *Stress and coping: An anthology* (pp. 154–173). Columbia University Press.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. Springer.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (2011). *Designing qualitative research (5<sup>th</sup> ed.)*. Sage.
- Moustakas, C. (1994). *Phenomenological research methods*. Sage.
- NCBI Bookshelf. (2025). *Psychosocial impact of parental loss in children*. U.S. National Library of Medicine.
- Neubauer, B. E., Witkop, C. T., & Varpio, L. (2019). How phenomenology can help us learn from the experiences of others. *Perspectives on Medical Education*, 8(2), 90–97.
- PEYATIM. (2024). *Statistik dan perkembangan rumah anak yatim di Malaysia*. Persatuan Kebajikan Anak Yatim Malaysia.
- Rutter, M. (1998). Developmental psychopathology: Concepts and challenges. *Development and Psychopathology*, 10, 265–296.
- Simply Psychology. (n.d.). *Attachment theory*. <https://www.simplypsychology.org/attachment.html>
- UNICEF. (2021). *Children in alternative care: Emotional well-being and protection*. United Nations Children's Fund.
- Wertz, F. J. (2016). *Five ways of doing qualitative analysis: Phenomenological psychology, grounded theory, discourse analysis, narrative research, and intuitive inquiry*. Guilford Press.
- Whittemore, R., Chase, S. K., & Mandle, C. L. (2001). Validity in qualitative research. *Qualitative Health Research*, 11(4), 522–537.

## BIODATA PENULIS



**Dr. Fatmawati Latada** merupakan seorang pensyarah kanan di Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Dengan pengalaman lebih daripada dua dekad dalam bidang pendidikan, Pembangunan insan, kaunseling, pembangunan ibu tunggal & remaja rentan, beliau amat komited dalam memupuk kesejahteraan emosi, daya tahan, serta kepimpinan berteraskan belas ihsan dalam kalangan individu dan komuniti.

Dr. Fatmawati memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam Psikologi Industri dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), serta Ijazah Sarjana Psikologi Industri dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2024, beliau telah melengkapkan Sarjana kedua dalam Pendidikan (Kaunseling) di UIAM. Perjalanan akademik beliau mencerminkan minat yang mendalam terhadap pemahaman tingkah laku manusia serta usaha menyokong perkembangan psikologi melalui pendekatan profesional yang diintegrasikan dengan nilai keimanan.

Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang beberapa jawatan kepimpinan di UMPSA, termasuk sebagai Pengarah Employee Assistance Program, EAP dan Ketua Jabatan Kemahiran Insaniah bagi beberapa penggal. Bidang pengajaran dan latihan beliau merangkumi psikologi positif, kaunseling organisasi, kecerdasan emosi, serta tingkah laku manusia.

Selain bidang akademik, Dr. Fatmawati turut aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan kemanusiaan. Beliau telah menyumbang dalam program pembangunan Soft Skills penghuni rumah anak yatim, inisiatif daya tahan emosi di pusat pemulihan, serta misi bantuan bencana di Indonesia dan Kemboja. Beliau juga merupakan sukarelawan aktif serta ahli kepada pelbagai organisasi profesional dan kebajikan.

Sebagai seorang penulis, Dr. Fatmawati telah menghasilkan pelbagai buku dan modul yang memberi inspirasi kepada pembangunan diri dan kekuatan emosi, antaranya *Sahabat Perjalanan PhD*, *Hati Yang Rawan*, *Warna-Warna PhD*, serta *Soft Skills Series: Nurturing Altruistic Leaders*. Penulisan beliau menggabungkan pandangan professional, dapatan kajian serta dorongan yang menawarkan panduan praktikal berteraskan empati dan harapan.

Dr. Fatmawati terus memberi inspirasi melalui peranannya sebagai pendidik, kaunselor, penyelidik, penulis dan aktivis kemanusiaan yang komited dalam memperkasa masyarakat dan mencetuskan perubahan bermakna melalui ilmu, kasih sayang, serta ketahanan diri.